

29/08/1998

Umno sedia ke Sarawak (HL)

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Jumaat - Umno memang berminat mengembangkan sayap ke Sarawak tetapi keputusan mengenainya terletak di tangan rakyat negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, Umno juga akan memastikan kedatangannya ke negeri itu tidak memecahbelahkan perpaduan Bumiputera dan komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak.

"Umno mahu bekerjasama dengan semua parti termasuk parti Bumiputera yang ada di negeri ini supaya dengan kerjasama itu, tidak akan berlaku sebarang perpecahan, manakala kuasa politik Bumiputera di Sarawak juga tidak terjejas.

"Itulah pendekatan yang diambil Umno. Segala keputusan terpulang kepada rakyat Sarawak, bukan terpulang kepada Umno di Semenanjung.

"Rakyat Sarawaklah yang akan menentukan cara mana Umno boleh datang ke Sarawak tanpa memecahbelahkan Bumiputera negeri ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang menjadi tonggak kerajaan BN Sarawak, di sini hari ini.

Hadir pada perhimpunan itu yang diadakan di Santubong Resort, di sini ialah Presiden PBB yang juga Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; dua Timbalan Presiden, Tan Sri Alfred Jabu dan Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba.

Isu kemasukan Umno ke Sarawak walaupun bukan perkara baru, semakin hangat diperkatakan di negeri itu terutama sejak parti terbabit mengembangkan sayapnya di Sabah lima tahun lalu.

Sarawak kini adalah satu-satunya negeri yang belum dimasuki Umno.

Sejak awal tahun ini, ada kumpulan tertentu yang mengedarkan borang keahlian Umno dan menjual pelbagai cenderamata parti itu di Sarawak, malah ketika ketibaan Dr Mahathir di lapangan terbang semalam, bendera Umno turut dikibarkan.

Perdana Menteri menegaskan, bukan niat Umno menjajah apalagi bertelagah dengan komponen BN atau masuk ke negeri itu secara mencero boh.

"Sebaliknya, niat Umno ialah mengukuhkan lagi hubungan kaum Bumiputera di Sarawak dan Semenanjung," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno mendapati perjuangan PBB di Sarawak sama dengan perjuangan Umno.

Itulah sebabnya kedua-dua parti boleh bekerjasama sejak sekian lama.

"Sebab itulah kita ingin mendekat diri dengan PBB. Kita harap kehendak kita ini tidak ditolak oleh mana-mana pihak.

"Bukan ada niat untuk menjajah. Hanya ada niat untuk mengukuhkan lagi kaum Bumiputera di Sarawak dan Semenanjung.

"Kita perlu kepada kekuatan untuk mentadbir negara yang membangun. Tanpa kekuatan, kita tidak mungkin mentadbir Malaysia. Sebab itu kita tidak ingin kepada perpecahan," katanya.

Mengenai perhimpunan agung itu, Dr Mahathir berkata ia penting bagi menentukan hala tuju PBB.

Beliau mengajak semua ahli PBB memahami dan mempelajari sejarah perjuangan parti bukan saja PBB malah BN, Perikatan dan perjuangan mendapatkan kemerdekaan.

"Selain mempelajari sejarah, kita juga mesti tahu falsafah BN dan peranan semua parti komponen BN," katanya sambil berharap perhimpunan PBB berjalan lancar.

Menurutnya, pemilihan harus dibuat secara bijak dengan tiada siapa yang harus dibelakangkan atau diutamakan sehingga yang lain tertinggal.

"Bekerjasamalah dan tentukan bahawa falsafah BN terus terdapat dalam PBB sehingga bila-bila," katanya.

(END)